



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN GIATKAN PEMANTAUAN OPS JAMIN DI SELURUH NEGARA

SELANGOR, 17 OKTOBER 2023 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini telah melaksanakan pemeriksaan OPS JAMIN di Pasar Raya Super Seven, Cheras Jaya, Selangor. Turut hadir dalam pemantauan yang dilakukan ini adalah pengurusan tertinggi Kementerian, Bahagian Penguin Kuasa (BPGK) KPDN dan Penguin Kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri Selangor, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

2. Tujuan pemeriksaan ini dilakukan adalah bagi melihat sendiri situasi semasa yang berlaku di lapangan **berhubung kedudukan bekalan dan harga beras di peringkat runcit serta barang keperluan harian yang lain termasuk gula, minyak masak dan sebagainya.**
3. Bermula pada **7 Julai 2023**, KPDN dan KPKM telah melancarkan Kolaborasi Bersepadu **OPS JAMIN** bagi memastikan keterjaminan bekalan beras dengan harga yang stabil dan terkawal untuk keperluan pengguna. Pada masa yang sama, pemeriksaan **OPS JAMIN** ini bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Kementerian.
4. Kerjasama strategik yang melibatkan penguatkuasaan, perkongsian maklumat dan pemantauan di antara **KPDN** dan **KPKM** melalui **OPS JAMIN** ini amat penting bagi mengenalpasti keseluruhan rantai pengedaran beras di semua peringkat pengilang hingga ke peringkat peruncit.
5. **KPDN** memberi jaminan akan terus membantu **KPKM** dalam melakukan pemeriksaan di bawah **OPS JAMIN** di seluruh Negara. Pada masa yang sama akan terus menggiatkan tindakan penguatkuasaan di bawah perundangan serta bidang kuasa **KPDN** terutamanya dalam menangani isu penukaran label kampit beras yang dikhawatiri berlaku susulan pelarasan harga baharu bagi beras putih import (BPI).

6. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama di bawah **Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]** dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- i. Individu: boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan;
- ii. Syarikat: boleh didenda sehingga RM250,000.00.

7. Selain itu, tindakan undang-undang di bawah **Seksyen 12(1)(a) Akta Pelindungan Pengguna 1999 [Akta 599]** iaitu memberi gambaran yang mengelirukan mengenai harga apa-apa barang atau perkhidmatan juga boleh diambil ke atas pihak yang terlibat dan dikenakan penalti seperti berikut:

- i. Individu: boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama atau didenda oleh mahkamah sehingga RM250,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya; dan
- ii. Syarikat: boleh didenda sehingga RM250,000.00 bagi kesalahan pertama atau didenda sehingga RM500,000.00 bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya.

8. **KPDN** juga menguatkuasakan **Akta Timbang Dan Sukat 1972 [Akta 71]** dan sekiranya berlaku perlanggaran undang-undang berkaitan alat timbang dan sukat melibatkan padi dan beras, tindakan juga boleh diambil ke atas pihak yang terlibat di bawah Akta tersebut. Penalti adalah berdasarkan kepada kesalahan-kesalahan yang disabitkan.

9. Berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah **OPS JAMIN** oleh KPDN bermula **7 Julai 2023 sehingga 16 Oktober 2023**, sebanyak **31,100 pemeriksaan** telah dilakukan di seluruh Negara melibatkan pelbagai peringkat rantaian pengedaran termasuklah di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **4 kes** telah diambil ke atas peniaga kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah **Akta Pelindungan Pengguna 1999**, **4 kes** melibatkan **Akta Perihal Dagangan 2011** dan **2 kes** melibatkan **Akta Timbang dan Sukat 1972** menjadikan **10 kes** secara keseluruhannya telah diambil tindakan oleh KPDN. Manakala sebanyak **331 aduan melibatkan aduan harga, bekalan dan lain-lain berkaitan beras** diterima dalam tempoh yang sama dan telah disalurkan kepada **KPKM** untuk tindakan lanjut.

10. **KPDN** komited melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan beras di seluruh negara di samping barang keperluan harian lain serta menggalakkan pengguna untuk menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan dengan menyalurkan maklumat dan aduan yang lengkap berhubung ketidakpatuhan ke atas undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian.
11. Pada masa yang sama, pihak pengurusan tertinggi kementerian amat prihatin dengan isu-isu yang diterima melalui aduan pengguna. Sehubungan dengan itu, aduan berhubung **kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang barang keperluan asas menjadi tumpuan utama dan siasatan aduan akan dijalankan dalam tempoh 24 jam setelah aduan diterima**. Pengguna dinasihati untuk **membuat aduan melalui saluran rasmi kementerian** dan menyalurkan aduan bersama dokumen yang lengkap untuk tindakan lanjut melalui saluran berikut:

**Bahagian Penguatkuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- v. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;
- vi. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245, dan;
- vii. **Kod QR Aduan Bekalan:**



**Kawalselia Padi dan Beras
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)**

- i. Portal Aduan KPB: <https://skpb.kpkm.gov.my/adu>;
- ii. E-mel Rasmi: aduankpb@kpkm.gov.my; and
- iii. Hotline Ibu Pejabat KPB Putrajaya: 03-8870 1751/1748/1183.

12. Aduan yang dikemukakan perlu mengandungi **maklumat yang lengkap termasuk lokasi diadu, jenis barang diadu, bukti pembelian dan sebagainya yang berkaitan** dengan aduan supaya tindakan penguatkuasaan boleh diambil dengan segera oleh Kementerian.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH SALLEH,
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
SELANGOR, 17 OKTOBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA